# PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) STAF FAKULTI FARMASI UiTM

## PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) 2021

Universiti Teknologi MARA | Fakulti Farmasi

SOSHCo Fakulti Farmasi

## LANGKAH A

**TINDAKAN HARIAN SEMUA STAF BERMULA 4 OKTOBER 2021**

ISI BORANG DEKLARASI SARINGAN COVID-19 (DI RUMAH)
https://saringc19.uitm.edu.my

**QR CODE SARINGAN COVID-19**

KEPUTUSAN SARINGAN

- KATEGORI A / B / C → Maklumkan kepada Pusat Kesihatan UiTM & pihak pentadbiran fakulti. Tidak dibenarkan kembali bertugas.
- KATEGORI D / E → STAF DIBENARKAN BERTUGAS

## ARAHAN KERJA

## LANGKAH B

**JIKA BEKERJA DARI PEJABAT (BDP)**

KETIK KEHADIRAN MELALUI SISTEM HR2U (PASTIKAN DALAM KOORDINAT YANG DITETAPKAN DI PEJABAT)
PILIHAN: **BDP**

**LAPOR DIRI DI FAKULTI**

STAF PENTADBIRAN & LAIN-LAIN di
*PEJ. PENTADBIRAN FF, ARAS 11, FF1*
ATAU
STAF MAKMAL di
*BILIK PEG SAINS PHARMACEUTICS, ARAS 3, FF3*

1. Staf membuat imbasan suhu badan.
2. Staf perlu imbas kod MySejahtera.
3. Staf Perlu imbas kod QR fakulti.

**SUHU > 37.5 C DAN/ATAU BERGEJALA***

- YA → Tidak dibenarkan bertugas di pejabat. Dapatkan rawatan di Pusat Kesihatan UiTM / klinik panel atau pulang ke rumah
- TIDAK → IMBAS QR-CODE YANG DITAMPAL DI TEMPAT BEKERJA / DILAWATI

MEMULAKAN TUGAS MENGIKUT PANDUAN AMALAN LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DI UITM

*BERGEJALA
Mengalami sekurang- kurangnya salah satu daripada gejala seperti demam, batuk, selesema, sesak nafas

**APLIKASI HR2U**

## LANGKAH C

**JIKA BEKERJA DARI RUMAH (BDR)**

KETIK KEHADIRAN MELALUI SISTEM HR2U (DI RUMAH)
PILIHAN: **BDR**

KEMASKINI LAPORAN KERJA HARIAN SEMASA BEKERJA DARI RUMAH (BDR) (LAMPIRAN A). SERAHAN DOKUMEN BERGANTUNG KEPADA KPP / KETUA JABATAN

**Sekiranya ingin hadir ke fakulti, mohon kebenaran dari Dekan dengan menghantar email kepada PA Dekan (Pn. Noralisa). Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya seawal 3 hari bekerja dari tarikh yang dikehendaki.
Staf dikehendaki melaksanakan **Langkah B (BDP)** sekiranya permohonan diluluskan.

CLOCK OUT MELALUI SISTEM HR2U SETELAH SELESAI WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Putuskan rantaian jangkitan COVID-19 CORONAVIRUS DISEASE 19

# PERANAN WARGA TERHADAP RANTAIAN COVID-19

## KATEGORI A

Anda ialah pesakit yang telah **DISAHKAN** POSITIF COVID-19

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** kembali bertugas / hadiri Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka
- Patuhi **tempoh dan tempat** kuarantin seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pusat / Unit Kesihatan UiTM

| | |
|---|---|
| A1 | Tidak bergejala |
| A2 | Bergejala tanpa pneumonia |
| A3 | Bergejala dengan pneumonia |
| A4 | Bergejala dengan pneumonia & memerlukan bantuan oksigen |
| A5 | Kritikal dengan kegagalan pelbagai organ |

**Sekiranya anda kategori A1 dan A2**

- Jalani kuarantin di rumah selama 10 hari
- Dapatkan rawatan di hospital kerajaan berhampiran dengan segera jika anda mengalami gejala jangkitan seperti **demam berterusan, sukar bernafas dan sakit dada** dalam tempoh kuarantin

**Sekiranya anda kategori A3, A4 dan A5**

- Jalani rawatan di hospital

**Anda hanya dibenarkan kembali bertugas setelah tamat tempoh kuarantin dan diberi pelepasan kuarantin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pusat / Unit Kesihatan UiTM**

## KATEGORI B

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori A**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** kembali bertugas / hadiri Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka

**Jalani ujian COVID-19 jika diarahkan oleh KKM atau Pusat / Unit Kesihatan UiTM**

**Sekiranya ujian COVID-19 tidak dijalankan, anda perlu melengkapkan tempoh kuarantin selama 10 hari**

**Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Positif**

- Anda ialah **Kategori A**
- Sila rujuk **Kategori A**

**Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Negatif**

- Jalani kuarantin selama 10 hari
- Anda **tidak dibenarkan** kembali bertugas / hadiri Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka sehingga diberi pelepasan kuarantin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pusat / Unit Kesihatan UiTM

## KATEGORI C

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori B**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** kembali bertugas / hadiri Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka

**Tunggu keputusan ujian COVID-19 bagi KONTAK RAPAT Kategori B. Sekiranya ujian tidak dijalankan, anda perlu melengkapkan tempoh kuarantin seperti diarahkan oleh Pusat / Unit Kesihatan UiTM**

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT anda dari Kategori B ialah POSITIF**

- Anda ialah **Kategori B**
- Sila rujuk **Kategori B**

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT anda dari Kategori B ialah NEGATIF**

- Anda boleh kembali bertugas / hadiri Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka
- Dapatkan notis pelepasan kuarantin dari Pusat / Unit Kesihatan UiTM

## KATEGORI D

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori C**

atau

## KATEGORI E

Anda ialah individu yang **TIADA KAITAN** dengan Kategori **A, B, C** atau **D**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Tiada halangan untuk anda kembali bertugas mengikut jadual penggiliran yang disediakan oleh Ketua PTJ
- Kekal mematuhi arahan KKM seperti penjarakan fizikal lebih 1 meter, memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang baik
- Elakkan 3S iaitu tempat sesak, tempat sempit dan sembang dekat
- Dapatkan rawatan di hospital berhampiran jika mengalami gejala respiratori seperti batuk, sakit tekak, sesak nafas, selesema atau demam

***Nota:***

Definisi **KONTAK RAPAT** ialah :

- Bersemuka dengan pesakit COVID-19 dalam jarak kurang daripada 1 meter
- Tidak bersemuka tetapi berada di dalam bilik / ruang berhawa dingin yang sama selama lebih dari 2 jam dengan kes positif
- Bersentuhan (kontak fizikal) dengan pesakit COVID-19
- Ahli keluarga yang tinggal serumah / rakan sekerja yang bekerja di ruang yang sama / rakan sekelas / berada dalam satu kenderaan yang sama dengan kes positif
- Individu yang duduk dekat (kurang 1 meter) dengan pesakit COVID-19 dalam satu premis.
- Individu yang berada dalam kenderaan yang sama dan duduk berdekatan (kurang 1 meter) dengan pesakit COVID-19 sepanjang perjalanan.
- Anggota kesihatan yang memberi perawatan kepada pesakit COVID-19 tanpa memakai PPE lengkap

TARIKH KEMASKINI : 1 FEB 2021 ( PUSAT KESIHATAN UiTM )

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Fakulti Farmasi

SOSHCo Fakulti Farmasi

# PANDUAN AMALAN LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19

## BEKERJA DI PEJABAT (BDP)

## SEMASA BEKERJA

- Patuhi prosedur kerja selamat dan arahan kerja yang ditetapkan
- Terus ke ruang kerja dan kurangkan interaksi sosial
- Bersihkan ruangan bekerja (meja kerusi) setiap kali hadir ke pejabat dan pulang ke rumah
- Jaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri serta orang sekeliling semasa bertugas
- Sentiasa memakai pelitup mulut dan hidung (face mask) walaupun ke tandas
- Elak bersalaman dan bersentuhan. Patuhi penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya jarak 1 meter
- Kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitiser
- Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin
- Staf atau pelawat perlu jalani pemeriksaan suhu badan dan menggunakan hand sanitiser
- Laporkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian sekiranya terdapat maklumat mengenai jangkitan COVID-19 di pejabat

## SEMASA MESYUARAT

- Pastikan mesyuarat maksima 10 orang ahli (Pengerusi /Ahli /Setiausaha) sahaja dengan penjarakan 1 meter
- Sediakan hand sanitiser
- Pakai pelitup mulut dan hidung (face mask)
- Tempoh mesyuarat maksima 2 jam. Ahli hendaklah patuhi dan tepati masa
- Rujuk Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat UiTM (Edisi 2018)

## SEMASA REHAT

- Pembahagian waktu rehat dalam kumpulan kecil
- Tidak berkumpul. Patuhi amalan penjarakan sosial di surau, kawasan rehat dan pantri / kafe
- Elakkan kongsi makanan di tempat kerja
- Pengendali makanan sediakan makanan berbungkus dan memakai face mask serta sarung tangan
- Sebarang bentuk aktiviti agama/solat berjemaah di surau tidak dibenarkan

## SETELAH PULANG

- Mandi dengan air bersih. Sabun dan basuh pakaian yang digunakan
- Sekiranya terdapat masalah kesihatan setelah bekerja, maklumkan Pusat Kesihatan UiTM dengan segera

**Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap sesiapa yang didapati ingkar kepada arahan UiTM berkaitan keselamatan dan kesihatan dan mana-mana peraturan yang berkuatkuasa**

*Rujukan: Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di UiTM